

UMS lancar aplikasi mudah alih pengguna gadget pintar

UMS 11.1.2014 96

KOTA KINABALU: Seajar dengan perkembangan teknologi terkini, Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah melancarkan aplikasi mudah alih yang boleh dimuat turun oleh semua pengguna gadget pintar android.

Pelancaran aplikasi itu juga sebagai usaha untuk memenuhi objektif Bidang Keberhasilan Utama Universiti (UMS-KRA) yang ke-4 iaitu memperkukuh tadbir urus, kepimpinan dan sistem penyampaian.

Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMS, Prof. Datuk Dr. Mohd. Harun Abdullah selepas Majlis Perhimpunan Jabatan Canselori di Galeri Majlis universiti eko-kampus itu.

Aplikasi itu yang dihasilkan melalui inisiatif Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) boleh diakses melalui jalur lebar tanpa wayar (Wi-Fi) atau mobile data.

Menurut Harun, langkah mewujudkan sistem berkenaan



HARUN (tengah) melancarkan aplikasi mudah alih UMS untuk pengguna gadget pintar sambil disaksikan oleh No'man (kiri) dan Noor Hapipah (kanan).

amat bertepatan dalam meningkatkan lagi mutu perkhidmatan terhadap pelajar dan kakitangan.

“Buat masa ini, UMS telah menyediakan kemudahan aplikasi mudah alih bagi kegunaan pelajar dan akan

dikembangkan untuk kegunaan staf pada masa akan datang,” katanya lagi.

Terdahulu, dalam amanatnya kepada kakitangan Jabatan Canselori beliau berkata, penerapan disiplin yang tinggi perlu

terus diperkasakan ke arah membentuk pekerja yang cemerlang dan berdaya saing.

Katanya, setiap kakitangan perlu melaksanakan tanggungjawab sebagai peneraja awam dengan sebaik mungkin, sentiasa menghargai dan menepati masa serta sentiasa berfikir maju ke hadapan selain terus mengamalkan komunikasi berkesan.

Lebih seratus kakitangan Jabatan Canselori hadir pada majlis perhimpunan itu.

Hadir sama, Bendahari UMS Hj Rizal Othman, Ketua Pustakawan Dayang Rukiah Ag. Amit, Ketua Jabatan Canselori No'man Datuk Hj. Ahmad dan Ketua JTMK Noor Hapipah Samat.



ANTARA kakitangan Jabatan Canselori yang hadir pada perhimpunan itu.